

Headline	Kemenangan bukti kesedaran terhadap alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	275 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,485
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,455



SITI SUBAIDAH ADIL (empat dari kiri) bersama pelajar SJKT Kajang selepas majlis penyampaian anugerah *Fan Favourite* di Kajang, Selangor, semalam.

## Kemenangan bukti kesedaran terhadap alam sekitar

**KUALA LUMPUR 24 Mei** - Kemenangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kajang dalam pertandingan *Interact Video Award* (IVA) 2015 melalui anugerah *Fan Favorite* menjadi bukti kesedaran murid-murid sekolah berkenaan terhadap alam sekitar semakin meningkat.

Kemenangan dalam kategori khidmat masyarakat dengan 42,106 undian itu menyaksikan mereka menewaskan 87 pesaing dari 25 negara.

Wakil Rotary International District 3300 Malaysia, Siti Subaidah Adil berkata, pertandingan klip video peringkat antarabangsa itu yang dianjurkan setiap tahun itu memfokuskan untuk melahirkan murid yang penyayang terhadap alam sekitar dan berfikiran kritis serta inovatif dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif.

"Kemenangan ini mampu menarik minat serta memberi motivasi kepada murid untuk lebih cenderung mencintai alam sekitar.

"Saya yakin dengan kerjasama ibu bapa dan guru merancakkan semangat patriotisme mereka supaya pembangunan yang dijalankan pada masa depan adalah pembangunan mampan yang menitikberatkan kepentingan alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas majlis penganugerahan Anugerah Interact kepada sekolah tersebut, dekat sini hari ini.

Penyertaan kali pertama sekolah berkenaan dalam IVA 2015 merupakan usaha bersama Kelab Rotary Kajang, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kelab Interact SJKT Kajang.

Sementara itu, guru besar sekolah berkenaan, John Posko Anthony memberitahu, penerapan nilai-nilai murni sejak peringkat awal persekolahan amat penting bagi setiap pelajar dalam menghadapi cabaran semasa.

"Penganugerahan yang diterima menunjukkan amalan ini bukan sahaja bermula di rumah,

malah institusi pembelajaran memainkan peranan eksklusif dalam membentuk perkembangan fizikal dan minda pelajar yang sihat," katanya.

SJKT Kajang merupakan sekolah rendah pertama di negara ini yang mempunyai Kelab Interact dan sejak penubuhannya dua tahun lalu, kelab berkenaan mempunyai lebih 40 ahli dengan projek pertama mereka menghias dan menanam semula taman sekolah menggunakan bahan kitar semula.

Dalam majlis yang sama, Kelab Rotary Kajang melalui Program Rotary Kasih menyerahkan kad bantuan RM60 sebulan kepada seramai 50 murid kurang berkelebihan untuk pembelian buku dan makanan selama tiga tahun.

Program Rotary Kasih itu melibatkan usaha sama Persatuan Ibu Bapa dan Guru SKJT Kajang, UPM, Yayasan MyKasih, Kelab Rotary Kajang dan Persatuan Orang Kota Bharu (POKB).